

18 APR 2004

Mahathir-Universiti (Bergambar)

DR MAHATHIR CADANG TUBUH UNIVERSITI JEPUN DAN KOREA DI MALAYSIA

CYBERJAYA, 18 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan universiti milik Jepun dan Korea Selatan di negara ini bagi membolehkan rakyat Malaysia dan rakyat negara membangun lain mempelajari kemahiran dalam pelbagai bidang.

Katanya kerajaan mempunyai hasrat untuk menghantar lebih ramai pelajar ke sana tetapi negara itu mempunyai kemampuan terhad untuk menampung jumlah pelajar yang ramai.

"Sebab itu kita mencadangkan penubuhan universiti Jepun di Malaysia kerana bukan sahaja rakyat Malaysia dapat belajar di universiti itu tetapi juga rakyat dari negara-negara membangun yang lain," katanya semasa berucap pada majlis penghargaan kepada beliau sebagai "Bapa Dasar Pandang ke Timur" di sini.

Majlis anjuran Persatuan Alumni Graduan Institusi Korea (AGIKO) itu diadakan sebagai menghargai Dr Mahathir atas usaha dan pemikiran beliau yang inovatif dalam membangunkan negara sepanjang 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Beliau, yang diiringi oleh isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, telah telah dihadiahkan plak penghargaan yang memaparkan senarai lebih 500 graduan AGIKO yang mendapat latihan di Korea Selatan.

Dr Mahathir juga berkata penubuhan universiti itu juga dapat mengurangkan kos pengajian serta membolehkan lebih ramai pelajar menuntut di universiti berkenaan.

Katanya kerajaan menghantar pelajar ke Jepun dan Korea kerana mendapati nilai hidup rakyat di sana lebih sesuai dengan etika kejayaan.

"Mereka cukup disiplin, rajin bekerja, taat kepada majikan dan bangga dengan hasil kerja mereka serta tidak selalu mengadakan mogok. Inilah yang ingin diserapkan selain kebolehan dalam bidang tertentu," katanya.

Beliau berkata penerapan nilai-nilai itu juga telah menjadikan

Malaysia
sebagai sebuah negara membangun yang termaju di antara negara
membangun
yang lain.

Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan oleh Dr Mahathir pada
8 Feb
1982 sebagai inisiatif kerajaan untuk membuat pengkajian dan
mencontohi
serta mengambil teladan dari negara Korea dan Jepun bagi
menyesuikannya
dengan keadaan di Malaysia.

-- BERNAMA

NJ DC RHM